

U B875 AAB
MAHATHIR R R R
(1)

KUALA LUMPUR, 22 MEI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKEMUNGKINAN BESAR MERUPAKAN CALON TUNGGAL BAGI JAWATAN PRESIDEN PERSIDANGAN ANTARABANGSA MENGENAI DADAH ANJURAN PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU (PBB) YANG DIJADUALKAN DI VIENNA BULAN DEPAN.

USAHA-USAHA UNTUK MENENTUKAN TIDAK ADA PENCALONAN LAIN NAMPAKNYA BERHASIL APABILA SEORANG LAGI CALON UTAMA, MENTERI LUAR BOLIVIA ENCIK GUILLERMO BEDREGAL, MENUNJUKKAN TANDA-TANDA MENARIK DIRI DARIPADA BERTANDING JAWATAN ITU.

PARA PEGAWAI DI SINI MENYATAKAN ENCIK BEDREGAL TELAH MEMBERITAHU HASRATNYA UNTUK BERBUAT DEMIKIAN KEPADA TENGGU AHMAD RITHAUDEEN YANG BERADA SELAMA TIGA HARI DI LA PAZ MINGGU LEPAS SEBAGAI PEMANGKU MENTERI LUAR.

BAGAIMANAPUN, ENCIK BEDREGAL BELUM MEMBUAT PENGUMUMAN ATAU MEMBERITAHU SETIAUSAHA AGUNG PBB MENGENAI HASRAT BELIAU UNTUK MENARIK DIRI.

+KITA BOLEH MENJANGKAKAN PENGUMUMANNYA ITU DALAM BEBERAPA HARI LAGI,+ KATA SEORANG PEGAWAI. -- LAGI.
1710MST 22 05 87

0054

U B876 AAB
MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR MENDAPAT HAMPPIR 70 PENCALONAN DAN JUMLAHNYA DIJANGKA BERTAMBAH DARIPADA NEGARA-NEGARA YANG TELAH MEMBERIKAN PERSETUJUAN MENYOKONG MALAYSIA SEMASA PERSIDANGAN ITU NANTI YANG BERMULA 17 JUN.

WISMA PUTRA TELAH MELOBI DENGAN GIAT SEJAK DUA TAHUN LEPAS BAGI MENDAPATKAN SOKONGAN DARIPADA NEGARA-NEGARA ANGGOTA PBB PADA PELBAGAI FORUM ANTARABANGSA TERMASUK SIDANG KEMUNCIAK PERGERAKAN NEGARA-NEGARA BERKECUALI DAN PERSIDANGAN PERTUBUHAN NEGARA-NEGARA ISLAM (OIC) SUPAYA MENCALONKAN DATUK SERI DR. MAHATHIR.

DENGAN SOKONGAN MELUAS YANG DITERIMA SETAKAT INI, WISMA PUTRA SEDANG BERUSAHA MENENTUKAN BAHAWA DATUK SERI DR. MAHATHIR AKAN MERUPAKAN CALON TUNGGAL.

+SEBAGAI KETUA KERAJAAN, PERDANA MENTERI SEHARUSNYA MEMEGANG JAWATAN ITU TANPA BERTANDING,+ KATA SEORANG PEGAWAI LAIN, DAN MENAMBAH KATA: +WALAUPUN BERLAKU PERTANDINGAN, KITA YAKIN MENDAPAT KEMENANGAN.+

SEMENTARA ITU, DIFAHAMKAN TIMBALAN MENTERI LUAR TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL CHE WAN AKAN MENGETUAI ROMBONGAN MALAYSIA KE PERSIDANGAN ITU KERANA MENTERI LUAR DATUK ABU HASSAN OMAR AKAN BERADA DI SINAPURA UNTUK MESYUARAT TAHUNAN MENTERI-MENTERI LUAR ASEAN YANG DIJANGKA BERMULA 15 JUN. -- BERNAMA.
1714MST 22 05 87